

BAB TIGA

METODOLOGI

3.0 BAHAN KAJIAN

Pengkaji mendapatkan data daripada buku-buku berikut :

- a. Buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian (Inggeris-Melayu)* (1968).

Buku ini mengandungi 322 halaman dengan jumlah keseluruhan istilahnya 8 594 istilah yang terdiri daripada istilah bidang Pertanian, Perhutanan dan Kajihayat. Walau bagaimanapun istilah yang akan dikaji hanya istilah Kajihayat sahaja. Ahli Jawatankuasa Istilah yang terlibat dalam pembentukan istilah ini terdiri daripada individu dari Universiti Malaya, Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Kolej Pertanian Serdang. Mereka bekerja berpandukan *Pedoman Membentok Istilah2 Baru Dewan Bahasa dan Pustaka* seperti senarai berikut (*Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian*, 1968 : xi);

1. Segala istilah ilmu dan nama alat perkakas asing yang sedia ada dalam bahasa Melayu pada masa itu dipakai terus setelah disesuaikan dengan kemajuan ilmu pengetahuan.
2. Jika tidak ada istilah dalam bahasa Melayu di Tanah Melayu (kini Malaysia) bolehlah diambil istilah yang telah dipakai di Indonesia. Jika istilah Indonesia itu tidak sesuai atau tidak memuaskan hati, barulah dibentuk istilah yang baru.

3. Istilah-istilah asing yang dipakai oleh kebanyakan bangsa-bangsa dunia atau istilah-istilah asing yang tidak dapat diterjemahkan dengan setepat-tepatnya bolehlah diterima menjadi istilah Melayu.
 4. Apabila membentuk istilah baru, hendaklah digunakan kata akar bahasa Melayu.
 5. Seberapa boleh, istilah baru yang dibentuk itu hendaklah menggambarkan benda atau fikiran atau keadaan yang dimaksudkan oleh istilah asing itu.
 6. Kata-kata istilah hendaklah dieja mengikut lidah Melayu kecuali yang mengandungi nama-nama khas.
 7. Semasa mencari istilah bagi sesuatu kata sumber, maka yang mustahak diistilahkan ialah pengertian, bukannya bentuk sesuatu istilah dalam bahasa asing.
 8. Apabila amat perlu diterima suatu istilah asing, maka yang diterima hanyalah kata pokok sahaja.
- b. Buku *Istilah Biologi (Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia)* (1988). Buku ini mempunyai 414 halaman dengan jumlah istilahnya sebanyak 22 770, kesemuanya istilah Biologi. Sub-sub bidang Biologi yang terkandung dalam buku ini termasuklah anatomi, botani, ekologi, fisiologi, histologi, mikrobiologi, morfologi, sitologi, taksonomi dan zoologi. Ahli Jawatankuasa Istilah yang terlibat dalam pembentukan istilah ini termasuklah individu dari Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia), Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerja-kerja pembentukan istilah pada peringkat ini

dilakukan secara lebih sistematis berbanding pembentukan istilah pada peringkat tahun 60-an. Lebih banyak panduan serta rujukan yang digunakan dalam pembentukan istilah pada peringkat ini, di antaranya *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1972 serta beberapa pedoman tambahan yang dibentuk oleh jawatankuasa berkenaan demi untuk menghasilkan istilah yang lebih berkualiti.

Pada mulanya istilah sumber dan istilah sasaran daripada buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968) dinomborkan satu per satu. Hanya istilah bidang Kajihayat sahaja yang dipilih. Kemudian, senarai istilah sumber yang sama daripada buku *Istilah Biologi* (1988) disemak dan dicatatkan istilah sasarnya. Sejumlah 259 istilah sumber berserta sasaran dipilih secara rawak tanpa mengira subbidang daripada senarai tersebut untuk dijadikan sampel kajian. Seterusnya ditentukan sama ada perubahan istilah berlaku atau tidak dengan meneliti lajur istilah sasaran tahun 1968 berbanding dengan lajur istilah sasaran tahun 1988. Contohnya seperti yang dipaparkan dalam jadual 3.0.

Jadual 3.0 Jadual Perubahan Istilah Sasaran Tahun 1968 Berbanding Tahun 1988

Bil.	Istilah sumber	Istilah sasaran		Perubahan
		1968	1988	
1.	abaxial(leaf)	belakang (daun)	abaksial	✓
2.	aberration (genetics)	sesatan (kajibaka)	aberasi	✓
3.	abiogenesis	jadian bihayat	abiogenesis	✓
4.	abiology	kajibihayat	abiologi	✓
5.	abjunction	cheraian-kotak (sepora)	abjungsi	✓
6.	abomasum	perut masam	abomasum	✓
7.	absciss	luroh	luruh	✓
8.	abscission layer	lapisan lurop	lapisan peluruhan	✓
9.	abstriction	cheraian-bulat (sepora)	pengabstrikian	✓
10.	acantha	duri	akanta	✓
11.	accessory gland	kilang tambahan	kelenjar aksesori	✓

Perubahan tersebut kemudiannya diklasifikasikan mengikut jenis perubahan bentuk istilah.

3.1 KLASIFIKASI PERUBAHAN ISTILAH UNTUK KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji akan menumpukan kepada perubahan bentuk-bentuk istilah dan huraian semantik terhadap perubahan yang berlaku. Bentuk istilah dalam bahasa Melayu boleh dibincangkan dari segi fonologi dan morfologi (Asmah Haji Omar, 1987 : 43). Walau bagaimanapun, analisis hanya akan dibuat terhadap perubahan morfologi istilah, dan analisis semantik terhadap istilah yang berubah itu untuk melihat adakah berlaku perubahan makna yang ketara apabila berlaku perubahan morfologi istilah berkenaan.

3.1.1 Bentuk Morfologi Istilah

Morfologi istilah ialah apabila kita melihat kata istilah itu terbentuk daripada unit linguistik yang terkecil yang mempunyai makna yang dikenali sebagai morfem (Felber, H., 1995 : 143). Morfem-morfem ini sama ada bersifat bebas atau terikat boleh bergabung antara satu sama lain untuk membentuk kata yang lebih kompleks strukturnya. Penggabungan morfem untuk menerbitkan pelbagai bentuk kata kadang kala menyebabkan bunyi-bunyi tertentu dalam morfem tersebut mengalami perubahan, dan perubahan ini bersifat seragam dan sistematik.

3.1.2 Semantik

Ilmu semantik dapat didefinisikan sebagai “ilmu penyelidikan makna” (Lyons, 1995 : 393). Penekanan huraian ini berlaku pada makna sesuatu

kata. Kempson (1977 : 1) pula melihat aspek semantik sebagai sebahagian daripada teori linguistik am yang bersifat saintifik. Menurut beliau ada tiga cara yang telah dilakukan oleh pakar bahasa dan falsafah untuk memberi penjelasan makna bagi bahasa semula jadi, iaitu : (1) dengan mentafsirkan makna perkataan – makna perkataan dijadikan asas untuk menerangkan makna ayat dan perhubungan. (2) dengan mentafsirkan sifat makna ayat – makna ayat dijadikan asas, manakala perkataan dikatakan menyumbang secara tersusun pada makna ayat. (3) dengan menjelaskan proses perhubungan – kedua-dua makna ayat dan makna perkataan diterangkan sebagai perantara yang digunakan dalam gerak laku perhubungan. Ada beberapa teori semantik yang lazimnya digunakan untuk menjelaskan makna, di antaranya Teori Referens, Teori Konseptual, dan Teori Analisis Komponen Makna.

Mengikut *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (1992 : 8 - 10), melalui proses-proses seperti penggunaan kata akar, pengimbuhan, penggandaan dan penggabungan, maka terhasillah bentuk-bentuk istilah seperti yang berikut :

- a) **bentuk akar bebas.** Bentuk yang boleh berdiri sebagai istilah atau dasar bagi pembentukan istilah yang lebih luas. Misalnya, ‘sisa’ (residue), ‘rehat’ (*dormancy*).
- b) **bentuk berimbuhan.** Bentuk yang mengandungi imbuhan. Misalnya, ‘pencernaan’, ‘edaran’, ‘berkitar’.
- c) **bentuk gabungan.** Bentuk yang terdiri daripada dua kata atau lebih. Misalnya, ‘sel tulang’, ‘kulit gabus’.

- d) **bentuk gandaan.** Bentuk yang seluruh atau sebahagian daripada bentuk dasarnya diulang. Misalnya, ‘peparu’, ‘kacang-kacang’.

Sehubungan dengan itu, dalam proses untuk mendapatkan sumber istilah sasaran bahasa Melayu, langkah-langkah berikut perlu diikuti :

- a) **pilih kosa kata umum bahasa Melayu.** Mana-mana kata umum dalam bahasa Melayu boleh dijadikan istilah asalkan kata tersebut dapat dengan tepat memberi makna, konsep, proses, keadaan atau ciri yang dimaksudkan, kata tersebut adalah yang paling singkat, atau tidak berkonotasi buruk.
- b) **pilih kosa kata bahasa serumpun.** Jika tiada sumber istilah daripada bahasa Melayu, maka hendaklah dicari pula daripada bahasa-bahasa serumpun dengan bahasa Melayu.
- c) **lakukan penterjemahan.** Jika tiada sumber istilah daripada bahasa Melayu dan bahasa serumpun dengan bahasa Melayu, maka usaha-usaha untuk menterjemah istilah tersebut bolehlah dilakukan. Contoh terjemahan istilah adalah seperti yang berikut, *gas gland* (bahasa Inggeris) – ‘kelenjar gas’ (bahasa Melayu), *gas pool* (bahasa Inggeris) – ‘kolam gas’ (bahasa Melayu), *cycle* (bahasa Inggeris) – ‘kitaran’ (bahasa Melayu).
- d) **ambil istilah asing.** Jika penterjemahan pun tidak dapat membantu, maka istilah bahasa asing (lazimnya bahasa Inggeris) bolehlah dipindahkan ke dalam bahasa Melayu setelah disesuaikan dengan fonologi dan morfologi bahasa Melayu. Misalnya, *anatomy* (bahasa Inggeris) – ‘anatomii’ (bahasa Melayu), *photoreceptor* (bahasa Inggeris) – ‘fotoreseptor’ (bahasa Melayu).

3.2 REKA BENTUK KAJIAN DAN PENDEKATAN UNTUK MENGENAL PASTI PERUBAHAN BAHASA

Data-data kajian ini, iaitu istilah-istilah yang dikumpulkan untuk kajian akan diteliti dan dicatatkan sama ada berlaku perubahan atau tidak. Pendekatan yang diambil ialah analisis teks. Data digunakan terdiri daripada sejumlah istilah sumber Kajihayat (1968) yang disenaraikan semula dalam istilah Biologi (1988), iaitu sebanyak 1156 istilah (Lampiran 1). Istilah-istilah tersebut mencakupi beberapa subbidang Biologi, seperti anatomji, botani, ekologi, fisiologi, histologi, mikrobiologi, morfologi, sitologi, taksonomi dan zoologi. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 1004 istilah didapati telah mengalami perubahan (istilah tersebut bertanda ✓ dalam Lampiran 1). Seterusnya untuk tujuan kajian ini, sebanyak 259 istilah atau 22.4% daripada keseluruhan istilah akan dianalisis. Senarai istilah tersebut dipilih secara rawak tanpa mengira subbidang daripada keseluruhan senarai Lampiran 1 (kira-kira 10 istilah dipilih daripada setiap abjad, A-Z). Senarai data untuk dianalisis turut memasukkan istilah yang tidak mengalami perubahan untuk tujuan membandingkan bentuk-bentuk istilah yang mengalami perubahan dengan istilah yang tidak berubah. Perubahan kemudiannya diteliti dari segi lambang kata yang membentuk istilah (asal-usul kata), faktor sejarah yang menghasilkan ejaan atau pedoman yang berubah, dan kategori kata. Peratus istilah yang berubah dari segi lambang kata, ejaan atau pedoman dan kategori kata kemudiannya ditentukan. Dengan ini, peratus perubahan istilah mengikut pola-pola tertentu dapat diperhatikan. Seterusnya, huraian semantik akan dibuat terhadap kira-kira 10% istilah yang mengalami perubahan dari segi lambang kata dan kategori kata , dan istilah-istilah ini dipilih secara rawak daripada sejumlah istilah yang mengalami

perubahan dari segi lambang kata dan kategori kata. Jumlah 10% yang dianalisis ini dijangka dapat mewakili huraihan perubahan semantik terhadap keseluruhan istilah yang berubah. Istilah-istilah yang mengalami perubahan dari segi faktor sejarah (perubahan ejaan,pedoman, dsb.) tidak akan diberikan huraihan semantik kerana istilah tersebut tidak mengalami perubahan makna. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan diakronik dengan membandingkan bahasa yang sama dalam dua tempoh masa yang berlainan untuk melihat adakah perubahan bahasa khususnya istilah berlaku.

- Kajian ini hanya terbatas kepada perubahan dari segi bentuk morfologi dan semantik sesuatu istilah yang mengalami perubahan.